



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI KEMAJUAN PERUMAHAN KANAN (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



1. **PEGAWAI KEMAJUAN PERUMAHAN KANAN**  
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Brunei Studies / Business Administration / Finance / Economic / Estate Management / Health and Safety / Housing Policy / Mathematic / Public and Media Relations / Teknologi Maklumat / Undang-Undang (LLB)* atau bidang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) **TANGGA GAJI B.2**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Brunei Studies / Business Administration / Finance / Economic / Estate Management / Health and Safety / Housing Policy / Mathematic / Public and Media Relations / Teknologi Maklumat / Undang-Undang (LLB)* atau bidang berkaitan **dan** telah berkhidmat dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Kemajuan Perumahan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Daerah Belait;
2. Menyelia dan menyelaras kerja-kerja di Cawangan Daerah Belait;
3. Menyelenggara penguatkuasaan di kawasan-kawasan Skim Perumahan Negara Daerah Belait;
4. Menyelenggara permohonan Skim Perumahan Negara bagi Daerah Belait;
5. Menyediakan laporan tahunan status pengurusan Cawangan Daerah Belait; dan
6. Menerima arahan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.